

## **KURSUS PENGURUSAN TATATERTIB**

Unit Tatatertib telah mengadakan Kursus Pengurusan Tatatertib yang diadakan di pada 11 hingga 13 Oktober 2017 bertempat di Pusat Kecemerlangan dan Kejuruteraan Teknologi JKR (CREaTE), Alor Gajah, Melaka. Seramai lebih kurang 60-70 peserta kursus dari pelbagai peringkat dijemput hadir yang melibatkan JKR Cawangan, JKR Ibu Pejabat dan JKR Negeri.

Tujuan kursus pengurusan tatatertib ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai tentang bagaimana menguruskan kes disiplin, tatakelakuan, tidak hadir bertugas, kes jenayah yang melibatkan mahkamah, surcaj dan lain-lain yang berkaitan.

Dengan pendedahan tersebut dapat membantu pegawai menyelesaikan kes tatatertib di cawangan dan negeri masing-masing. Kursus Pengurusan Tatatertib ini dibantu oleh penceramah luar iaitu SPRM dan JPA.

